



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN TEKNIK EKSPLORASI INTERNET BERASASKAN PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME TERHADAP PENULISAN KARANGAN FAKTA

KAVITHA A/P RATNAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta murid tingkatan empat. Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk mencapai lima objektif khusus. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi-eksperimen dan analisis karangan. Sampel kajian terdiri daripada 73 orang murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah di dalam Daerah Hilir Perak, Teluk Intan. Murid bagi kumpulan kawalan ialah 35 orang, manakala murid kumpulan rawatan ialah 38 orang. Dua orang guru juga dipilih sebagai sampel untuk penilaian pencapaian karangan. Huraian data bagi kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Huraian data deskriptif bagi reka bentuk kajian kuantitatif adalah dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Bagi reka bentuk kuantitatif juga, huraian data inferensi adalah dengan menggunakan Ujian-t Sampel Tidak Bersandar. Ujian Cohen's Kappa pula untuk menganalisis penilaian pencapaian karangan oleh dua orang guru pakar. Data kualitatif pula diuraikan secara tematik, iaitu berasaskan kod tema dan subtema kriteria penskoran karangan. Dapatan kajian berdasarkan kuasi-eksperimen menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca penulisan karangan fakta. Data kualitatif pula memaparkan bahawa murid cemerlang dalam penulisan karangan adalah lebih ramai dalam ujian pasca berbanding pra. Dapatan kajian daripada analisis Cohen's Kappa pula memperlihatkan bahawa penilaian pencapaian karangan adalah setara oleh kedua-dua orang penilai. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa penulisan karangan meningkat dari segi pencapaian dan kualiti karangan fakta berdasarkan Kriteria Penskoran Karangan Bahagian B oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa teknik eksplorasi Internet banyak membantu murid dalam peningkatan pencapaian dan kualiti karangan fakta. Daripada kajian ini, diharapkan supaya dapat membantu guru dan dijadikan asas ke arah pembangunan teknik lain bagi semua topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, dicadangkan supaya pihak yang terlibat dalam Kementerian Pendidikan Malaysia mengguna pakai teknik yang berasaskan pendekatan konstruktivisme ini untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta di sekolah menengah.





EFFECT OF INTERNET EXPLORATION TECHNIQUE BASED ON CONSTRUCTIVISM APPROACH IN FACTUAL ESSAY WRITING

ABSTRACT

This study was conducted to identify the impact of Internet exploration technique based on constructivism approach to student's essay writing. This study uses mixed method, quantitative and qualitative design to achieve five specific objectives. This study uses quasi-experimental and essay analysis methods. The samples of this study consist of 73 Form Four students in one of the schools in Hilir Perak District, Teluk Intan. Control group consists of 35 students. Treatment group consists of 38 students. Two teachers were also appointed as samples in the assessment. The description of this research data is divided into two, namely, descriptive and inferential analysis. The data description in the quantitative study design was analyzed in the form of mean and standard deviation, while the inference analysis was carried out using Independent Samples t Test. Cohen's Kappa test was used to analyze the assessment done by two teachers. The qualitative data description used thematic approach. The findings of the quasi-experimental study showed that there was a significant difference between pre-test and post-test in factual writing. Qualitative data also illustrates that students excel in writing essays more in post-test than pre-test. The finding from the analysis of Cohen's Kappa shows an equivalent assessment by both teachers. The implication of this study is that student's factual essay writing has increased in terms of achievement and quality based on Part B Scoring Criteria of the Malaysian Examination Board. This clearly demonstrates that Internet exploration technique greatly assist in improving the achievement and quality of factual essay writing. This study is expected to assist in the development of techniques for all the topics in the Malay Language subject. Hence, it is proposed that the Ministry of Education adopt this technique based on the constructivism approach in the teaching and learning of factual writing in secondary schools.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.7 Model Teknik Penerangan dan Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	18



1.8	Hipotesis Kajian	25
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Kepentingan Kajian	28
1.11	Definisi Operasional	31
1.11.1	Teknik Penerangan	31
1.11.2	Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme	32
1.11.2.1	Teks – Hiperteks	34
1.11.2.2	Grafik – Bitmap	43
1.11.2.3	Audio - Bunyi Asal dan Kesan Bunyi	52
1.11.2.4	Animasi – Animasi Asal, Animasi Teks, Animasi Grafik	60
1.12	Penulisan Karangan Fakta	69
1.13	Ujian Pra	70
1.14	Ujian Pasca	71
1.15	Analisis Kualiti Penulisan Karangan Murid	71
1.16	Kesimpulan	72
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	73
2.1	Pendahuluan	73
2.2	Sejarah Perkembangan Komputer	74
2.3	Sejarah Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan	77

2.4	Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer	78
2.5	Teori dan Model Pengajaran Dan Pembelajaran Berbantuan Komputer	81
2.6	Teori Konstruktivisme	83
2.7	Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat	87
2.8	Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat	93
2.9	Kemahiran Bahasa	104
2.10	Penulisan Karangan	106
2.11	Kajian Lepas	109
2.12	Kesimpulan	115

BAB 3 METODOLOGI 117

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

3.1	Pendahuluan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	117
3.3	Sampel Kajian	120
3.4	Lokasi Kajian	121
3.5	Instrumen Kajian	121
3.5.1	Ujian Pra	122
3.5.2	Ujian Pasca	123
3.5.3	Analisis Skrip Karangan	124
3.6	Kesahan	125
3.7	Kebolehpercayaan	125

3.8	Cohen's Kappa	126
3.9	Rubrik Permarkahan Penulisan Karangan	128
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	136
3.11	Penganalisan data	139
3.12	Kesimpulan	142

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 143

4.1	Pendahuluan	143
4.2	Demografi Responden	144

4.2.1	Apakah skor min ujian pra dan ujian pasca sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta?	146
-------	---	-----

4.2.2	Apakah skor min ujian pra dan ujian pasca sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik penerangan guru dalam penulisan karangan fakta?	147
-------	--	-----

4.2.3	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta?	147
-------	---	-----

4.2.4	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik penerangan dalam penulisan karangan?	148
-------	---	-----

4.2.5	Apakah kualiti penulisan karangan fakta murid berdasarkan kriteria penskoran sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berpandukan teori konstruktivisme?	149
-------	--	-----

4.2.6	Apakah kualiti penulisan karangan fakta murid yang berpandukan kriteria penskoran sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berasaskan	161
-------	---	-----

pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta?

4.2.7 Adakah terdapat perbezaan kualiti penulisan karangan fakta berdasarkan kriteria penskoran sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta? 162

4.2.7.1 Perbezaan Kualiti Penulisan 169

4.2.7.2 Analisis Jawapan Murid Bagi Tiga Peringkat 173

4.2.7.3 Analisis Jawapan Murid bagi Ujian Pasca 180

4.2.8 Apakah kebolehpercayaan Cohen's Kappa antara Penilai 1 dengan Penilai 2 karangan fakta murid sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta? 191

4.2.9 Adakah terdapat perbezaan kebolehpercayaan Cohen's Kappa antara Penilai 1 dan Penilai 2 bagi karangan fakta murid sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi Internet berpandukan teori konstruktivisme? 191

4.3 Kesimpulan 192

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN 193

5.1 Pendahuluan 193

5.2 Rumusan 194

5.3 Perbincangan dan Implikasi 195

5.4 Cadangan Kajian 201

5.5 Kesimpulan 202

RUJUKAN 203



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Jadual Hasil Pembelajaran Utama dan Khusus	97
3.1 Indeks Kebolehpercayaan Cohen's Kappa	126
3.2 Kebolehpercayaan Cohen's Kappa	127
3.3 Contoh Nilai Persetujuan Cohen's Kappa	128
3.4 Kriteria Penskoran Karangan Respon Terbuka (100 markah)	129
3.5 Rubrik Penskoran Karangan Respon Terbuka (100 markah)	130
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	136
3.7 Analisis Data	140
4.1 Demografi Responden Kumpulan Rawatan	145
4.2 Demografi Responden Kumpulan Kawalan	145
4.3 Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	146
4.4 Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	147
4.5 Perbezaan Antara Skor Min Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan	148
4.6 Perbezaan Antara Skor Min Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan	149





- 4.7 Perbezaan Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Kriteria Penskoran Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Teknik Eksplorasi Internet 169
- 4.8 Kebolehpercayaan Cohen's Kappa antara Penilai 1 dan Penilai 2 Bagi Karangan Fakta Murid Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Teknik Eksplorasi Internet Berdasarkan Teori Konstruktivisme 191





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1. Kerangka Konseptual kajian bagi penyelidikan ini	17
1.2. Model Teknik Penerangan Terhadap Penulisan Karangan Fakta	23
1.3. Model Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	24
1.4. Model Teks Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	35
1.5. Laman Utama Internet	36
1.6. Laman Carian	37
1.7. Laman Teks - Hiperteks	38
1.8. Laman Cadangan yang Sesuai Dengan Tajuk	39
1.9. Laman Sesawang	40
1.10. Latihan Rangka Karangan	41
1.11. Model Grafik Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	44
1.12. Laman Grafik	45



1.13.	Laman Sesawang Grafik	46
1.14.	Laman Sesawang Gabungan Teks dan Grafik	49
1.15.	Rangka Karangan	50
1.16.	Model Audio Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	53
1.17.	Laman Audio	54
1.18.	Laman Gabungan Teks, Grafik Dan Audio	55
1.19.	Laman Sesawang	57
1.20.	Latihan Rangka Karangan	58
1.21.	Model Animasi Teknik Eksplorasi Internet Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta	61
1.22.	Laman Video	62
1.23.	Laman Sesawang Video	63
1.24.	Laman Teks, Grafik Audio dan Video	65
1.25.	Latihan Rangka Karangan	67
3.1.	Reka bentuk kajian kuasi eksperimen bagi penyelidikan ini.	118
4.1.	Ujian Pra Kumpulan Rawatan	149
4.2.	Keputusan Ujian Pra peringkat Memuaskan.	150



4.3.	Salah Satu Perenggan Skrip Karangan Peringkat Memuaskan	151
4.4.	Markah Murid Peringkat Baik	151
4.5.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Baik	152
4.6.	Markah Murid Peringkat Kepujian	153
4.7.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Kepujian	153
4.8.	Ujian Pasca	155
4.9.	Markah Murid Peringkat Baik	156
4.10.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Baik	157
4.11.	Markah Murid Peringkat Kepujian	157
4.12.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Kepujian	158
4.13.	Markah Murid Peringkat Cemerlang	159
4.14.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Cemerlang	159
4.15.	Sampel Rawak Ujian Pra	162
4.16.	Kriteria Penskoran Murid Peringkat Kepujian	163
4.17.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Kepujian	163
4.18.	Kriteria Murid Peringkat Baik	165
4.19.	Salah Satu Perenggan Karangan Murid Peringkat Baik	165
4.20.	Kriteria Murid Peringkat Memuaskan	167





4.21.	Salah Satu Perenggan Karangan Peringkat Memuaskan Ujian Pra.	167
4.22.	Analisis Jawapan Murid Bagi Ujian Pra	172
4.23.	Murid 1	173
4.24.	Murid 2	175
4.25.	Murid 3	178
4.26.	Analisis Jawapan Murid Bagi Ujian Pasca	180
4.27.	Murid 1	181
4.28.	Murid 2	183



4.29.	Murid 3	187
-------	---------	-----





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Ujian Pra
- B Ujian Pasca
- C Analisis Kualiti Karangan
- D Rancangan Pelajaran Harian Teknik Penerangan
- E Rancangan Pelajaran Harian Teknik Eksplorasi Internet
- F Surat Kebenaran Melakukan Kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini meliputi pengenalan, latar belakang kajian yang menerangkan tajuk kajian tentang bidang pendidikan hari ini. Selain itu, bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, objektif kajian yang meliputi empat perkara yang perlu dikaji secara deskriptif dan inferensi. Terdapat lapan soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian kepada guru, murid, Kementerian Pendidikan Malaysia dan masyarakat. Definisi operasional kajian ini memfokuskan kepada teknik penerangan guru, teknik eksplorasi internet berasaskan pendekatan konstruktivisme, penulisan karangan fakta, ujian pra, ujian pasca, dan analisis kualiti karangan.





Justeru, penyelidikan ini cuba mengkaji teknik berasaskan teknologi untuk penulisan karangan. Teknik yang dikaji ialah teknik eksplorasi Internet dengan berdasarkan teori konstruktivisme Lima Fasa Needham terhadap penulisan karangan fakta.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia pendidikan hari ini kian mencabar dalam arus pembangunan teknologi dan komunikasi. Sekolah sebagai hab pengetahuan dan pembelajaran sepanjang masa amat memerlukan penerapan teknologi dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan harus menggunakan pelbagai strategi, kaedah, pendekatan dan teknik dalam penyampaian ilmu (Rian Vebrianto & Kamisah Osman, 2012). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah tidak terkecuali daripada kepelbagaian cara penyampaian ilmu. Mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah terbahagi kepada empat kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh setiap murid seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Negara, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat, 2012). Pelbagai jenis topik seperti tatabahasa, kefahaman, rumusan, komponen sastera dan karangan diajar supaya murid dapat menguasai keempat-empat kemahiran tersebut dengan baik. Jika difokus aktiviti-aktiviti yang tersenarai, karangan merupakan topik yang banyak menguji kreativiti dan kemahiran murid secara lebih mendalam (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2012).





Penulisan esei murid terdiri daripada karangan berformat dan karangan tidak berformat. Antara karangan yang tidak berformat ialah karangan jenis perbincangan, cerita, pendapat, fakta, peribahasa dan sebagainya. Karangan-karangan jenis berformat ialah syarahan, perbahasan, pidato, surat kiriman rasmi dan tidak rasmi, rencana dan sebagainya. Kelemahan dalam penguasaan salah satu kemahiran bahasa akan menyukarkan murid menghasilkan karangan yang berbeza dan berkualiti (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012). Bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Pelajaran Malaysia yang mempunyai kesahan yang standard dan piawai dalam menguji kemampuan murid yang memerlukan murid menjawab dua soalan karangan. Karangan ini masing-masing menyumbang sebanyak 30 markah untuk Bahagian A dan 100 markah untuk Bahagian B yang total membawa 130 markah daripada 240 markah terkumpul sebelum menentukan gred. Kemahiran menulis merupakan kemahiran tertinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang memerlukan daya kognitif aras tinggi (Gopinath Muthy, 2013). Pengetahuan am murid sangat penting dalam menjana idea yang tepat, jelas dan bernas. Kekurangan pengetahuan am agak menyukarkan murid untuk menghasilkan idea yang logik dan matang. Teknik pengajaran yang pelbagai boleh digunakan dalam melahirkan insan yang kaya dengan pengetahuan am (John Dunlosky et.al, 2013). Harapan ini tidak mudah dicapai sekiranya teknik yang digunakan hanya berpusatkan guru kerana murid tidak diberikan ruang mengembangkan idea tersendiri. Keadaan ini harus diubah mengikut peredaran dan ketentuan masa.

Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan variasi bahan bantu mengajar mampu meningkatkan daya imaginasi murid. Hasil kajian Binoy Birman, 2013 mendapati sistem pendidikan yang hanya bergantung kepada guru, papan hitam





dan buku teks kurang sesuai digunakan dalam sistem pendidikan moden hari ini. Teknik penyampaian berbentuk sehalu dan tidak berorientasikan murid ini telah mengekang peluang murid untuk mengembangkan prestasi pembelajaran masing-masing. Guru harus bersedia berdepan dengan dunia yang dilingkari teknologi. Guru dan teknologi tidak dapat dipisahkan dalam membentuk generasi berdaya saing di peringkat global. Kini, konsep pengajaran dan pembelajaran terutamanya subjek Bahasa Melayu bersifat konvensional harus bertukar arah kepada berpusatkan murid dan interaktif (Ibrahim Mohamed Al-Faki & Abdelmoneim Hassan Adam Khamis, 2014). Pengajaran dan pembelajaran melalui multimedia yang berbentuk interaktif mampu membekalkan sesuatu maklumat dengan cepat, tepat dan mewujudkan situasi yang menyeronokkan (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2014). Para guru harus sentiasa mengubah cara pengajaran dan bahan bantu mengajar supaya dapat memotivasikan (Seri Syahliliana Sakka, 2014) minat di samping menarik perhatian murid dalam proses penerimaan ilmu.

Komputer dalam pendidikan bukan perkara yang baharu dalam kehidupan masyarakat era globalisasi hari ini. Kini, setiap rumah sudah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah komputer, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Komputer merupakan keperluan utama dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. Era saintifik dan penyelidikan hari ini menjadikan komputer sebagai wadah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendayagunaan komputer dalam pendidikan adalah untuk menarik perhatian murid yang mahukan kepelbagaian dalam penerimaan ilmu dalam pengajaran (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2014). Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menekankan tentang kepentingan komputer dalam sistem pendidikan negara. Hasrat kerajaan menjadikan Malaysia





sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai jika murid sekolah dibentuk berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran bekerja. Anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPM) juga turut menuntut komputer dalam pendidikan atau lebih dikenali sebagai pembelajaran digital. Segala hasrat dan impian kerajaan akan tercapai jika murid berkemampuan melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menerusi komputer dan Internet. Teknik eksplorasi Internet bukan sahaja membuatkan murid mampu berfikir seperti orang dewasa malah bertindak secara rasional yang menampakkan kematangan menjawab seperti yang dikehendaki pada masa ini (Richard Fuller & Viktoria Joynes, 2015).

Peningkatan penggunaan Internet dalam pendidikan mampu menyediakan murid yang berdaya maju dalam semua bidang. Kerancangan Internet dalam pendidikan dijangkakan mewujudkan situasi pembelajaran aktif seperti yang dikehendaki dalam pembelajaran abad ke-21. Guru-guru kini juga bersedia melakukan eksperimen dengan menggunakan Internet (Eric Klopfer, 2015) dalam pengajaran dan pembelajaran bukan kerana tuntutan semasa tetapi atas kepentingan pembangunan ekonomi, kebajikan murid dan efiseinsi proses pembelajaran. Dalam konteks pendidikan pula, murid digalakkan menggunakan Internet kerana boleh memberikan keselesaan dalam pembelajaran (Wahindah Suhari et. al, 2015) dan murid juga akan berasa puas hati setelah menggunakannya (Mustafa Altun, 2015) kerana ilmu yang diperoleh melalui Internet tiada limitasi. Murid juga akan bersaing dalam menempatkan prestasi mereka pada satu tahap yang dijangkakan. Aktiviti berbasikan Internet mampu membentuk murid berfikir secara kreatif dan matang dalam memajukan diri mereka (PPPM, 2015). Hal ini jelas memperlihatkan, murid wajar menggunakan teknik eksplorasi Internet supaya pemikiran murid akan berkembang





dan dapat menyelesaikan segala masalah dengan lancar. Tiada lagi kekusutan dalam merungkaikan idea bersesuaian dengan topik yang dibicarakan.

Komputer dan Internet di dalam kelas wajar dijadikan nyata secara menyeluruh agar pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan secara sistematik. Internet di dalam kelas bukan setakat menggunakannya sahaja malah murid harus meneroka atas talian dalam mengembangkan ilmu sedia ada (Mathew Fisher et. al, 2015). Teknik eksplorasi Internet secara berperingkat berupaya memberikan kesan positif terhadap persekitaran pembelajaran moden pada hari ini. Teknik ini sesuai dilaksanakan dengan menggunakan teori konstruktivisme yang menekankan Lima Fasa Needham dalam penyampaian, penyimpanan, penambahbaikan dan pengaplikasian sesuatu maklumat. Daripada proses ini juga murid akan menyesuaikan pengetahuan sedia ada dengan



pengetahuan baharu. Lima fasa Needham ini tiada had umur pengguna. Lima fasa Needham ini juga dikenali sebagai konsep 5E. Setiap satu daripada konsep 5E menerangkan fasa pembelajaran, dan setiap fasa bermula dengan huruf "E": Engage (melibatkan diri), Explore (meneroka), Explain (menerangkan), Elaborate (menghurai), dan Evaluate (menilai). Lima fasa Needham membolehkan murid dan guru mengalami aktiviti biasa, untuk menggunakan dan membina pengetahuan dan pengalaman sebelumnya untuk membina makna, dan terus menilai pemahaman mereka tentang konsep. Justeru, kajian ini cuba pula mengkaji kesan teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta.





1.3 Pernyataan Masalah

Teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta merupakan suatu teknik yang mampu meningkatkan pengetahuan am murid. Teknik ini amat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutamanya penulisan karangan Bahasa Melayu. Karangan Bahasa Melayu yang lengkap harus mengandungi kosa kata yang luas, unsur bahasa yang menarik mampu mempengaruhi pembaca, ayat yang gramatis dan kematangan menjana idea (Yahya Othman & Suzanawaty PG. Osman, 2014). Murid sangat memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam menghasilkan karangan berkualiti. Pemilihan teknik yang kurang bersesuaian tidak mampu mengubah cara murid berfikir dan menghasilkan karangan yang bermutu (Rohaida Yusop & Zamri Mahamod, 2015). Teknik pengajaran dengan teori yang bersesuaian mampu membawa anjakan paradigma dalam kualiti dan pencapaian karangan murid (Marzni Mohamed Mokhtar at. al, 2015).

Teknik dalam pengajaran karangan dalam kajian ini membabitkan teknik moden dan konvensional. Kedua-dua teknik diamalkan sepanjang kajian. Teknik moden yang menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi nampak signifikan daripada teknik konvensional kerana menjurus kepada unsur kognitif yang amat tinggi atau kemahiran berfikir aras tinggi (Graham Attwell and Jenny Hughes, 2010). Menurut Belias Dimitrios et. al, 2013, pengajaran cara tradisional dengan nota, slaid dan buku-buku sudah mula digantikan dengan bahan yang diambil daripada persekitaran pembelajaran maya. Teknologi yang menggunakan internet kini digunakan sebagai alat untuk menyokong dan menggalakkan pembelajaran. Internet digunakan sebagai satu alat dalam pengajaran yang tidak mementingkan jarak dan





sebagai cara tambahan kepada pengajaran tradisional (Basioudis & DeLange, 2013). Pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dan Internet telah banyak digunakan dalam mata pelajaran lain di peringkat sekolah rendah dan menengah. Komputer dan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu masih kurang meluas (Azizah Abdul Rahim & Fazillah Mohamed Ismail, 2016).

Murid pada masa ini, gemar diajar dengan kepelbagaian teknik dalam penyampaian ilmu. Internet merupakan wadah yang mencakupi kepelbagaian informasi terkini yang menarik perhatian murid terutamanya dalam pengajaran bidang bahasa. Internet dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu banyak membantu dalam penulisan karangan (Noraini Bidin & Zamri Mahamod, 2016).

Kemahiran berfikir murid masih rendah kerana dibelenggu oleh pengajaran guru yang tradisional (Alia Shahira Tarmuji, Effandi Zakaria, 2016). Guru harus melengkapkan diri dengan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi supaya dapat menyebatkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran (Noraini Bidin & Zamri Mahamod, 2016). Penguasaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi sangat penting dalam mempelbagaikan kaedah atau teknik mengajar (Alia Shahira Tarmuji, Effandi Zakaria, 2016).

Teknik mengajar Bahasa Melayu terutamanya aspek karangan harus diberikan keutamaan untuk meningkatkan daya berfikir murid dan aplikasi idea dengan baik. Terdapat sarjana berpendapat teknik mengajar yang setara dalam pengajaran kemahiran menulis kepada murid akan menimbulkan suasana yang membosankan dan lama kelamaan murid tidak mampu berfikir secara matang (Alizah Lambri & Zamri





Mahamod, 2015). Teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu harus memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah seperti kemampuan murid berfikir, menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi, belajar cara belajar, kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme dan sebagainya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2015). Murid yang diajar sewajarnya seimbang dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2015) seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Lai Lee Chung & Chin Hai Leng (2015), gaya pengajaran ramai guru kini lebih gemar menggunakan teknik hafalan sebagai teknik pengajaran mereka. Guru kurang sedar teknik hafalan hanya sekadar membantu murid lulus dalam peperiksaan tetapi murid tidak diberi ruang mengaplikasi pemikiran mereka secara kritis dan kreatif. Guru perlu memainkan peranan dominan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. pelbagai bahan rangsangan dalam pengajaran tidak akan memberikan sebarang impak terhadap pemahaman murid jika teknik yang digunakan kurang atau tidak sesuai dengan kemampuan murid (Peter Goss & Julie Sonnemann, 2017). Dalam hal ini, teknik eksplorasi Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme dapat mengatasi segala masalah penguasaan Bahasa Melayu sama ada murid kelas cemerlang, sederhana atau lemah kerana ciri-ciri Internet tersendiri.

Banyak teori telah digunakan dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu. Namun teori-teori yang digunakan tidak membuktikan adanya perubahan positif dalam dapatan kajian. Terdapat juga pengkaji menggunakan teori konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran karangan tetapi bukan dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Maka, kajian ini memilih untuk mengaplikasi teori konstruktivisme kerana sesuai dengan teknologi maklumat dan komunikasi dalam

